

**TEKS UCAPAN**

**YAB DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN  
MENTERI BESAR  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**SEMPENA**

**MAJLIS PENYAMPAIAN INSENTIF KEMENANGAN  
SUKAN SEA KE 31 VIETNAM 2021 DAN  
SUKAN MALAYSIA (SUKMA) KE 20, MSN 2022**

**TARIKH : 16 MAC 2023 (KHAMIS)**

**MASA : 3.00 PETANG**

**TEMPAT : BALLROOM, KOMPLEKS BELIA DAN  
SUKAN PAROI**

**BISMILLAHIR RAHMAN NIR RAHIM**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh  
dan Salam Bersih, Muafakat, Sejahtera.**

**Salam Perpaduan. Salam Malaysia Madani.**

**Terima kasih Pengacara Majlis,**

**YBhg. Dato' Muhamad Nahar Bin Haji Mohd Sidek,  
Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan**

**YB Dato' Haji Mohammad Taufek bin Abd Ghani  
Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan  
Belia dan Sukan, merangkap Ketua Kontinjen  
Sukan Malaysia (SUKMA) Negeri Sembilan**

**YB Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,  
Negeri Sembilan**

**YB Dato' Haji Mohd Khidir bin Majid  
Pegawai Kewangan Negeri, Negeri Sembilan**

**YBhg. Dato' Haji Sabuddin bin Haji Sani  
Pengarah, Majlis Sukan Negeri Sembilan**

**Ketua-Ketua Jabatan**

**Persatuan Sukan-sukan Negeri Sembilan**

**Pengurus sukan, Jurulatih-jurulatih dan Atlet-atlet  
yang diraikan**

**Seterusnya Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan  
yang dihormati sekalian.**

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia serta keizinan-Nya dapat kita sama-sama berkumpul di sini bersempena **Majlis Penyampaian Insentif Kemenangan Sukan SEA Ke-31 Vietnam 2021 dan Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-20, MSN 2022** pada petang yang berbahagia ini.

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Majlis Sukan Negeri Sembilan serta urus setia yang menganjurkan majlis ini dan menjemput saya bersama-sama memeriahkan lagi majlis pada petang ini. Sebelum itu, saya mengalu-alukan kehadiran atlet Negeri Sembilan yang telah memenangi pingat di Sukan Sea Ke-31, Vietnam 2021 serta semua pengurus, jurulatih dan

atlet Negeri Sembilan yang memenangi pingat di Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-20 MSN 2022.

3. Saya dimaklumkan pada hari ni seramai 9 orang atlet Negeri Sembilan yang mewakili negara dan memenangi pingat di Sukan SEA Ke-31, Vietnam yang telah berlangsung pada 12 hingga 23 Mei 2022 akan menerima insentif kemenangan. Manakala, seramai 146 orang yang terdiri dari pengurus, jurulatih dan atlet akan menerima insentif kemenangan di SUKMA Ke-20 yang telah berlangsung pada 16 hingga 24 September 2022 di Kuala Lumpur, Selangor dan Nilai, Negeri Sembilan.

4. Kerajaan Negeri Sembilan sangat berbangga dengan pencapaian yang ditunjukkan oleh kesemua atlet Negeri Sembilan yang telah mengambil bahagian

dan sekaligus telah mencipta kemenangan di sana. Tahniah dan syabas kepada semua.

5. Pada hari ini Kerajaan Negeri sangat berbesar hati untuk menyampaikan insentif kejayaan kesemua atlet dan pegawai yang telah mengharumkan nama Malaysia amnya, dan Negeri Sembilan khususnya, di kejohanan sukan bertaraf antarabangsa ini.

6. Insentif ini telah diperkenalkan bertujuan untuk meningkatkan dan menggalakkan serta memberi motivasi kepada atlet-atlet Negeri Sembilan yang mewakili negara Malaysia di sukan-sukan bertemasya peringkat antarabangsa yang diiktiraf oleh badan induk sukan di Malaysia.

7. Hari ini sejumlah RM334,600.00 akan dianugerahkan kepada para pemenang pingat di temasya Sukan SEA dan Sukan Malaysia (SUKMA). Kerajaan Negeri juga telah bersetuju untuk menaikkan kadar insentif kepada pemenang pingat di SUKMA, kerana sasaran 15 pingat emas telah tercapai oleh Kontinjen Negeri Sembilan di bawah Ketua Kontinjennya iaitu YB Dato' Haji Mohamad Taufek bin Abd Ghani dengan mencapai 19 emas, 6 perak dan 27 gangsa.

8. Saya sangat teruja kerana pada hari ini sekali lagi saya dapat bertemu dengan penggiat-penggiat sukan dan wakil-wakil persatuan sukan yang bertanggungjawab membantu meningkatkan kecemerlangan sukan di Negeri Sembilan. Ini kerana tanpa kerjasama dan komitmen daripada tuan-tuan

dan puan-puan, sudah pasti agenda pembangunan sukan di Negeri Sembilan yang dilaksanakan melalui Majlis Sukan Negeri Sembilan tidak akan tercapai. Tahniah dan terima kasih di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan.

9. Bagi persiapan Sukan Malaysia (SUKMA) tahun hadapan, yang akan diadakan di negeri Sarawak, Kerajaan Negeri melalui agensi Majlis Sukan Negeri Sembilan diminta untuk membuat persiapan awal bagi mencapai prsetasi yang baik nanti. Persatuan sukan negeri di minta untuk menghantar acara sukan yang mampu bersaing sahaja untuk disertai. Justeru itu, antara kriteria-kriteria kelayakan sukan antaranya :-



- i) Sekurang-kurangnya memenangi pingat di temasya SUKMA sebelum ini iaitu pada SUKMA 2016, SUKMA 2018 dan SUKMA 2020;
  
- ii) Rekod penyertaan dan pencapaian di temasya SUKMA Ke-20, Tahun 2022 yang lalu, atau;
  
- iii) Prestasi pencapaian pasukan / atlet yang disertai sepanjang selepas SUKMA Ke-20, Tahun 2022 hingga hari ini, atau;
  
- iv) Jenis sukan yang diletakkan di bawah program pembangunan sukan pelapis negeri kelolaan Majlis Sukan Negeri Sembilan bersama Majlis Sukan Negara Malaysia yang aktif di Negeri Sembilan, atau;

v) Pengurusan Persatuan Sukan Negeri yang mantap dan tidak bermasalah serta mempunyai latihan atlet yang berterusan, dan

vi) Sukan yang mempunyai kemudahan asas yang mencukupi merangkumi venue latihan, peralatan sukan dan sebagainya.

10. Sukan di negeri ini sejak dahulu lagi diuruskan oleh gerakan sukarela dan persatuan-persatuan sukan. Sukan mesti diurus oleh mereka yang berminat dan mempunyai kepakaran dan bertanggungjawab di atasnya. Pihak kerajaan perlu memainkan peranan sebagai penyokong yang memudahkan kegiatan dilaksanakan di samping menyediakan infrastruktur program sokongan seperti insentif, sains sukan dan di mana yang perlu mengeluarkan bantuan kewangan.

11. Saya difahamkan terdapat kira-kira 40 persatuan sukan negeri di Negeri Sembilan. Kita tidak mampu dan berkeupayaan untuk sampai ke tahap yang membanggakan dalam semua sukan. Secara ringkasnya, sukalah saya menekankan bahawa persatuan yang yakin sukannya mempunyai masalah atau mengambil masa untuk berjaya diperingkat lebih tinggi sepatutnya menumpukan kepada aktiviti yang bersesuaian dengan program sukan untuk semua sahaja sehingga ke satu tahap di mana bersiang diperingkat yang lebih tinggi.

12. Peranan agensi pemegang taruh dalam konteks sukan juga perlu memainkan peranan yang lebih holistik dan bersepadu. Peranan Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan Belia dan Sukan Negeri,

Majlis Sukan Negeri, Sekolah Sukan Negeri serta persatuan sukan negeri perlu lebih aktif dan saling berkolaborasi bagi melahirkan atlet Negeri Sembilan yang bertaraf dunia yang dapat mengharumkan negara. Dengan segala perancangan dan pencapaian yang telah dicapai, diharapkan agar dapat melahirkan atlet bertaraf antarabangsa pada masa akan datang.

12. Akhir kata, saya berharap kejayaan ini akan menjadi titik permulaan kepada kita semua untuk terus mengorak langkah dan mencipta kemenangan yang lebih besar pada masa hadapan dan seterusnya menjadi pemangkin kepada atlet-atlet untuk sama-sama memajukan pembangunan sukan negeri ini ke landasan yang lebih tinggi.

13. Oleh itu, saya sudahi dengan **Wabillahitaufik  
Walhidayah Wassalam Mualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh**. Sekian.

**Salam Negeri Sembilan, Bersih, Muafakat,  
Sejahtera.**